

TARIKH	SELASA, 4 JUN 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	TEKNOLOGI DRON, AI KERJA MASA DEPAN
M/S	5
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	DRONE, AI

Teknologi dron, AI kerja masa depan

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

ARAU: Bidang teknologi tinggi seperti dron, kecerdasan buatan (AI) dan robotik adalah peluang kerja masa depan serta menarik minat ramai lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyambung pengajian dalam jurusan berkaitannya berbanding bidang Sains Tulen.

Justeru, bagi memenuhi keperluan tenaga kerja masa depan, disyorkan fakulti sains tulen, sains sosial, kejuruteraan dan kesihatan di universiti-universiti di negara ini mewujudkan fakulti khusus serta program-program berkaitan bidang berkenaan yang selaras dengan polisi kerajaan.

Statistik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2021 mendapati, majoriti lepasan SPM iaitu sebanyak 19,721 pelajar atau kira-kira 21 peratus memilih bidang pengajian Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan.

Pengajian dalam bidang Sains, Matematik dan Komputer sebanyak 8,361 pelajar atau kira-kira 15.5 peratus manakala bidang Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan pula 14,679 pelajar atau

Perubahan bukan pilihan lepasan SPM, bakal cetus krisis kesihatan

Ramai yang layak tapi tidak minat

Oleh MASRAH BIECHI RAHM
masrah.biechi@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023, seramai 21,157 lepasan layak menyambung pengajian dalam bidang perubatan, sekali gus boleh meng-

atasi masalah kekurangan doktor yang dihadapi negara ketika ini. Namun, golongan tersebut dilaporkan tidak berminat untuk meneruskan pengajian dalam jurusan itu mungkin disebabkan oleh faktor yang tinggi dan membangunkan minat yang rendah.

Keputusan Peperiksaan SPM 2023, kira-kira 23 peratus pelajar yang mendapat keputusan cemerlang untuk semua subjek sekurang-kurangnya 60 peratus atau lebih. Sijil Elektif STEM merupakan antara syarat kelulusan untuk semua subjek Sains Tulen dan Matematik Tambahan tersebut.

UTUSAN Malaysia
3 Jun 2024

kira-kira 18.7 peratus selain bidang Kesihatan dan Kebajikan merekodkan 912 pelajar atau kira-kira 6.3 peratus.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pensyarah kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Perlis, Dr. Shamshul Anaz Kassim berkata, selaras dengan perkembangan semasa, teknologi dron terus berkembang dan semakin banyak digunakan dalam industri pemetaan, survei, pertanian dan keselamatan.

Menurut beliau, bidang AI pula menjadi kunci dalam sektor-sektor

seperti perniagaan dan kesihatan selain robotik menarik minat dengan peranan dalam automasi industri.

Katanya, minat terhadap program berkenaan mencerminkan perubahan dalam keperluan pasaran tenaga kerja pada masa kini dan perkembangan teknologi yang berlaku.

Selain itu, kata beliau, terdapat beberapa faktor yang mungkin menyebabkan pelajar lepasan SPM kurang tertarik pada bidang Sains Tulen antaranya seperti kurangnya pendedahan dan kesedaran, persepsi negatif dan ketidakpas-

tian tentang peluang kerjaya selain kurangnya sokongan serta sumber daya.

“Untuk mengatasi cabaran ini, perlu ditingkatkan kesedaran tentang pentingnya Sains Tulen dan disediakan pendedahan yang mencukupi serta sokongan selain sumber daya yang mencukupi bagi pelajar.

“Dengan langkah-langkah ini, diharapkan minat terhadap bidang Sains Tulen dapat ditingkatkan sekali gus menyumbang kepada pembangunan Sains dan teknologi di Malaysia.

“Kalau dilihat, minat pelajar terhadap bidang Sains di negara ini merosot dengan ketara kepada 40 peratus pada 2018 berbanding 66.7 peratus 2019 dengan jangka trend itu terus meningkat,” katanya.

Isnin lalu, seramai 373,525 calon SPM sudah mendapat keputusan masing-masing dengan daripada jumlah itu, 11,713 orang memperoleh keputusan semua A.

Secara keseluruhannya, seramai 349,297 orang atau 93.5 peratus layak mendapat sijil dengan 226,358 orang lulus semua mata pelajaran yang diduduki.

Siaran muka depan *Utusan Malaysia* semalam melaporkan,

berdasarkan keputusan SPM 2023, seramai 21,157 lepasan layak menyambung pengajian dalam bidang perubatan, sekali gus boleh mengatasi masalah kekurangan doktor yang dihadapi negara ketika ini.

Namun, golongan tersebut didakwa tidak berminat untuk meneruskan pengajian dalam jurusan itu mungkin disebabkan kos yang tinggi dan bimbang sukar tamatkan pengajian.

Mengikut laporan Analisis Keputusan Peperiksaan SPM 2023, kira-kira 23 peratus pelajar yang mendapat keputusan cemerlang untuk semua subjek atau sekurang-kurangnya satu subjek Elektif STEM iaitu Sains Tulen dan Matematik Tambahan berpotensi mengambil jurusan tersebut.

Shamshul Anaz berkata, pada masa ini, majikan merekrut lepasan graduan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dalam konteks inovasi, bakat dan bersifat keusahawanan dalam diri.

“Justeru, cabaran masa depan universiti dan majikan ialah bersifat teknologi tinggi, pengurusan teknologi dalam semua bidang dan program yang ditawarkan bersesuaian dengan kehendak industri serta pasaran,” katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM